

# **Permasalahan Di Kalangan PKPG Kemahiran Hidup Tahun Empat Yang Telah Berkeluarga Di Universiti Teknologi Malaysia**

Nur Qistina Abdullah & Mahizan Abdul Rahim

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti permasalahan di kalangan pelajar PKPG yang telah berkeluarga di Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 80 orang pelajar tahun empat, Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) yang berkeluarga telah dijadikan responden untuk kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) untuk mendapatkan nilai peratus dan kekerapan. Hasil dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya responden menghadapi masalah kewangan pada tahap yang tinggi manakala masalah dalam hubungan kekeluargaan dan masalah pengurusan masa pada tahap yang sederhana. Kajian juga mendapati responden menghadapi masalah pembelajaran pada tahap yang rendah.

*Katakunci :* PKPG, kemahiran hidup

## **Pengenalan**

*“...as the most significant and costly resource in schools, teachers are central to school improvement efforts. Improving the efficiency and equity of schooling depends, in large measure, on ensuring that competent people want to work as teachers, that their teaching is of high quality, and that all students have access to high quality teaching...”*

*(Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), 2005)*

Petikan di atas menerangkan kepada kita bahawa guru adalah nadi kepada kejayaan dan kemajuan sesebuah sekolah. Guru bertanggungjawab membawa perubahan dan cabaran terhadap profesion keguruan termasuk pengubahsuaian fungsi dan peranan guru. Peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudahcara dalam pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar. Perubahan ini memerlukan guru sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa melalui pendidikan berterusan.

Menyedari keperluan ini, Kementerian Pelajaran telah menganjurkan beberapa program untuk mensiswahkan guru bermula sejak tahun 1993 hingga sekarang. Daripada Program Berkembar (1993 hingga 1995) kepada Kursus Diploma Perguruan Khas (1996 hingga 1997) dan seterusnya Program Khas Pensiswahan Guru (PKPG), (1999 hingga sekarang). Universiti Teknologi Malaysia adalah salah satu universiti yang terlibat dengan program PKPG. Program ini telah bertapak di UTM sejak tahun 1999 lagi.

Guru-guru yang melanjutkan pelajaran di UTM datang daripada pelbagai latar belakang yang berbeza. Setelah bergelar pelajar, mereka perlu mengubah corak kehidupan mereka yang telah lama diamalkan terutamanya pelajar yang telah berkeluarga. Dalam hal ini mereka perlu menjadi individu yang menjalankan dwifungsi di mana tanggungjawab sebagai pelajar dan keluarga patut dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dengan ini kemungkinan wujud masalah di kalangan mereka untuk menjalankan tugas tersebut dengan sempurna terutama dari segi kewangan, kekeluargaan, pengurusan masa dan pembelajaran.

## **Pernyataan Masalah**

Kehidupan yang dilalui oleh pelajar PKPG semasa mengikuti pengajian di UTM dipengaruhi oleh banyak faktor kekangan kerana mereka perlu melaksanakan dua tanggungjawab serentak pada satu masa yang sama iaitu keluarga dan pelajaran.

Berdasarkan situasi inilah pengkaji ingin mengetahui dan mengkaji apakah masalah yang dihadapi pelajar PKPG Kemahiran Hidup berkeluarga dan melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia.

## **Objektif Kajian**

Tujuan pengkajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran jelas sejauh manakah masalah yang di hadapi pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) yang telah berkeluarga dan melanjutkan pelajaran peringkat ijazah pertama di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Aspek yang ditinjau adalah seperti berikut :

1. Mengetahui sama ada wujud masalah kewangan di kalangan pelajar PKPG yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran.
2. Mengetahui sama ada wujud masalah hubungan kekeluargaan di kalangan pelajar PKPG yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran.
3. Mengetahui sama ada wujud masalah pengurusan masa di kalangan pelajar PKPG yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran.
4. Mengetahui sama ada wujud masalah dalam pembelajaran di kalangan pelajar PKPG yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran.

## **Kepentingan Kajian**

Pendidikan adalah penting dalam kehidupan manusia untuk mencapai matlamat dan hasrat utama negara. Pendidikan dapat menyatupadukan masyarakat dan berupaya melahirkan rakyat yang mampu bersaing dalam perkembangan sains dan teknologi masa kini. Pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan pada setiap individu.

Oleh itu, adalah diharapkan hasil dari kajian ini nanti akan dapat membekalkan maklumat kepada Kementerian Pelajaran tentang sebab dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) yang dianjurkan oleh Kementerian sendiri. Maklumat ini boleh disalurkan menerusi media massa dan akan memberi maklumat kepada guru-guru lain sebagai panduan untuk merancang kehendak yang sepatutnya sebelum mengikuti program ini supaya masalah dapat dikurangkan, selain dapat meningkatkan perkembangan ilmu.

Melalui kajian ini juga Kementerian Pelajaran mungkin boleh membuat perubahan dengan cara membuka lebih banyak peluang kepada guru-guru meningkatkan taraf akademik mereka serta mengkaji semula kebaikan dan kelemahan program yang ada sekarang dan melakukan penambahbaikan misalnya cuti belajar bergaji penuh.

Selain itu, hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumbalas kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini tentang sistem dan kos pengajian dengan melakukan sedikit perubahan, misalnya mengurangkan kos-kos tersebut. Ini berkemungkinan akan menggalakkan lebih ramai guru meningkatkan taraf pendidikan mereka.

Tidak ketinggalan juga kepada pensyarah, kajian ini dapat membantu para pensyarah menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran (p&p) agar lebih fleksibel dan menarik. Ini penting kerana teknik pengajaran dan pembelajaran perlu disesuaikan dengan tahap usia dan pemahaman pelajar.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat kepada Fakulti Pendidikan, UTM khususnya mengenai masalah pelajar-pelajar PKPG. Ekoran itu fakulti mungkin dapat merangka program-program tertentu sebagai kandungan kursus atau sukatan pelajaran sebagai tarikan dan jalan penyelesaian kepada pelajar yang sedang dalam pengajian ataupun guru-guru yang bercadang mengikuti program tersebut dan ini secara tidak langsung menyahut seruan kerajaan yang menginginkan semua guru berijazah menjelang 2010.

Maka hasil kajian ini akan memberi jawapan sebenar dan seterusnya mengenalpasti faktor-faktor penggerak kearah peningkatan akademik yang lebih baik. Secara keseluruhannya hasil daripada kajian ini diharap dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan panduan kepada semua pihak terutamanya UTM dan kepada guru-guru lain yang bercadang melanjutkan pelajaran.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik yang mana bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai suatu peristiwa yang telah berlaku. Menurut Mohamed Najib (1999), kajian berbentuk ini adalah sesuai digunakan dalam pengkajian yang menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Data-data mengenai persoalan kajian diperolehi dengan kaedah soal selidik. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang permasalahan di kalangan pelajar PKPG Kemahiran Hidup Tahun Empat yang berkeluarga. Melalui kaedah ini juga, maklum balas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus, cepat, menjimatkan masa dan perbelanjaan. Segala maklumat yang di terima di tafsirkan secara kuantitatif.

### **Populasi dan Responden**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar PKPG Tahun Empat kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan yang telah berkeluarga iaitu seramai 102 orang. Pengkaji menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden. Bilangan ini telah ditolak dengan diri pengkaji. Walaubagaimanapun hanya 80 orang yang memulangkan borang soal selidik, maka responden kajian ini hanya seramai 80 orang. Rasional pemilihan ini ialah kerana pelajar-pelajar ini majoritinya telah berkeluarga.

**Jadual 1:** Bilangan Pelajar PKPG Kemahiran Hidup Tahun Empat

Bil	Status	Jumlah
1	Bujang	22
2	Berkahwin	102
		124

Sumber : Pelajar PKPG

### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, alat atau instrumen pengukuran yang digunakan adalah satu set borang soal selidik yang dirangka bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Ia merupakan instrumen kajian yang lazim digunakan dalam kajian deskriptif. Menurut Mohamed Najib

(1999), soal selidik ialah alat atau instrument yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden dan produk kepada penggunaan alat pengukur ini adalah data. Pembinaan soal selidik pula, dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Wolf (dalam Norazwa, 2002), iaitu:-

- i) Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik dengan baik.
- ii) Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item di dalam soal selidik.
- iii) Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan demografi responden seperti jantina, umur, pendapatan dan sebagainya. Latar belakang responden ini amat penting bagi kegunaan pengkajian membuat perkaitan dengan persoalan yang hendak dikaji mengikut keperluan tertentu. Responden dikehendaki menandakan ( ) pada ruang petak yang disediakan.

Bahagian B terdiri daripada empat bahagian yang mengandungi soalan yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar PKPG berkeluarga yang melanjutkan pelajaran. Bahagian pertama berkaitan dengan masalah kewangan, sementara bahagian kedua pula berkaitan keluarga, bahagian ketiga pula mengenai pengurusan masa dan bahagian keempat berkaitan pembelajaran. Soal selidik ini melibatkan 40 item kesemuanya.

**Jadual 2 : Pembahagian item Bahagian B**

Konstruk	No. Item Soal Selidik	Jumlah
a) masalah kewangan dikalangan guru yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran.	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10	10
b) masalah keluarga dikalangan guru yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran	11,12,13,14,15,16,17,18,19,20	10
c) masalah pengurusan masa dikalangan guru yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran	21,22,23,24,25,26,27,28,29,30	10
d) masalah dalam pembelajaran dikalangan guru yang telah berkeluarga semasa melanjutkan pelajaran	31,32,33,34,35,36,37,38,39,40	10
<b>JUMLAH</b>		<b>40</b>

Pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik Bahagian B adalah berdasarkan kepada Skala Pangkatan atau Skala Likert yang terdiri daripada lima bentuk pilihan jawapan. Skala Likert yang digunakan adalah untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru-guru berkeluarga dan melanjutkan pelajaran berdasarkan kepada beberapa pilihan jawapan. Pilihan jawapan adalah “Amat Tidak Setuju”, “Tidak Setuju”, “Kurang Setuju”, “Setuju” dan “Amat Setuju” di mana responden dikehendaki menjawab soalan dengan membulatkan skor pada ruang jawapan yang telah disediakan.

## Kajian Rintis

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian iaitu instrument kajian, ujian rintis akan dijalankan ke atas 10 orang pelajar PKPG tahun tiga kursus Kemahiran Hidup yang telah berkeluarga. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui sama ada responden memahami atau tidak soalan-soalan yang dikemukakan dan melihat kesesuaian item-item yang digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Set soal selidik diproses dengan menggunakan Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS)

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Ianya membolehkan pengkaji mengenal pasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian Sprinthal (dalam Norazwa, 2002).

Menurut Mohamed Najib (1999), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

### **Analisis Data**

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis yang telah dijalankan ke atas persoalan kajian yang keempat. Analisis ini adalah bertujuan untuk mengetahui sama ada pelajar PKPG menghadapi masalah sikap yang mempengaruhi pembelajaran semasa melanjutkan pelajaran.

Sebanyak sepuluh item dikemukakan untuk menjawab persoalan kajian tersebut. Analisis dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden tidak menghadapi masalah sikap yang mempengaruhi pembelajaran. Ini dapat dibuktikan apabila dapatan kajian menunjukkan majoriti (86.3%) responden mengakui mereka dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran pensyarah dan 83.8 peratus menanda maklumat penting semasa membaca buku atau nota. Manakala 80.1 peratus menulis nota penting untuk meningkatkan kefahaman. Seramai 59 orang (73.8%) responden mencatat semua nota dan penerangan penting pensyarah dan akan membuat rujukan apabila tidak faham sesuatu pembelajaran. Lebih daripada separuh (63.8%) responden akan bertanya jika tidak faham apa yang diajar oleh pensyarah manakala 55 peratus tidak mempunyai masalah dalam memahami isi pelajaran dan 53.8 peratus tidak mengambil masa yang lama untuk memahami sesuatu pengajaran.

Hanya item kelima sahaja yang menunjukkan respon negatif iaitu kebanyakan responden tidak ke perpustakaan untuk mencari bahan rujukan. Kesimpulannya dari dapatan yang diperolehi dan setelah analisa dibuat dengan nilai purata peratus keseluruhannya tertinggi 67 peratus menunjukkan kebanyakan responden tidak menghadapi masalah pembelajaran mereka.

**Jadual 3 : Analisis Maklumbalas Responden Terhadap Item-item Masalah Pembelajaran**

Bil	Item	Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju	
		F	(%)	F	(%)	F	(%)
1	<i>Saya tidak dapat menumpukan perhatian terhadap apa yang disampaikan oleh pensyarah</i>	8	10.0	3	3.8	69	86.3
2	<i>Saya tidak akan bertanya jika tidak faham apa yang diajar oleh pensyarah</i>	19	23.8	10	12.5	51	63.8
3	<i>Saya tidak menggaris atau menanda maklumat penting semasa membaca buku atau nota</i>	13	16.3	0	0	67	83.8
4	<i>Saya mengambil masa yang lama untuk memahami sesuatu pengajaran</i>	20	25.0	17	21.3	43	53.8
5	<i>Saya tidak ke perpustakaan untuk mencari bahan rujukan</i>	45	56.3	1	1.3	34	42.6
6	<i>Saya tidak dapat mengingat apa yang diajar oleh pensyarah</i>	17	21.3	18	22.5	45	56.3
7	<i>Saya tidak menulis nota untuk meningkatkan kefahaman</i>	15	18.8	1	1.3	64	80.1
8	<i>Saya mempunyai masalah dalam memahami isi pelajaran yang disampaikan</i>	27	33.8	9	11.3	44	55.0
9	<i>Saya tidak mencatat semua nota dan penerangan penting pensyarah</i>	18	22.6	3	3.8	59	73.8
10	<i>Saya tidak akan membuat rujukan apabila tidak faham sesuatu pembelajaran</i>	18	22.6	3	3.8	59	73.8
<b>Jumlah Purata</b>			25.0		8.0		67.0

### Perbincangan

Bagi persoalan kedua, pengkaji telah mengemukakan juga sepuluh item. Aspek yang dikaji adalah masalah keluarga yang dihadapi oleh pelajar PKPG semasa melanjutkan pelajaran berkaitan dengan komitmen kepada keluarga dan pelajaran.

Hasil daripada dapatan kajian mendapati ada di kalangan mereka bimbang memikirkan keluarga yang kurang perhatian dan sebahagian responden juga mengakui kurang tumpuan kepada keluarga semenjak melanjutkan pelajaran. Ini terjadi kerana masa bersama keluarga kurang disebabkan tinggal berjauhan dan mungkin juga disebabkan terpaksa membahagikan komitmen terhadap pelajaran. Perkara ini mungkin boleh menyebabkan anak-anak kurang perhatian dan terabai yang akan menyebabkan anak-anak dan keluarga kurang rapat dengan bapa atau ibu mereka. Walaubagaimanapun pengkaji beranggapan bahawa walaupun tinggal berjauhan, tetapi mereka sentiasa pulang ke kampung atau sentiasa berhubung melalui telefon.. Hal ini amat penting dan perlu dititik beratkan supaya keluarga tidak terabai terutamanya anak-anak. Kenyataan ini disokong oleh Omar Latif (dalam Faridah, 2000) yang menyatakan golongan yang telah berumah tangga mempunyai tanggungjawab dan komitmen yang lebih berat

berbanding mereka yang belum berumahtangga. Tambah beliau lagi, di samping tanggungjawab terhadap isteri, suami, anak-anak, ibu bapa dan adik beradik, mereka juga perlu melaksanakan segala bentuk tanggungjawab yang diberikan pensyarah.

Walaupun mereka menghadapi masalah dalam hubungan kekeluargaan tetapi, mereka tetap dapat memberi perhatian kepada keluarga. Lebih daripada separuh pelajar mengakui tidak menyerahkan semua tanggungjawab mereka kepada pasangan dan sentiasa mengambil tahu masalah dalam keluarga serta mengakui tidak bermasalah dengan suami atau isteri. Pengkaji berpendapat mereka memahami tanggungjawab dan berusaha menunaikannya malah mengakui tidak tertekan walaupun mempunyai komitmen kepada keluarga dan sebagai pelajar.

Secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan dari dapatan yang diperolehi menunjukkan mereka mempunyai masalah dalam hubungan kekeluargaan semenjak melanjutkan pelajaran tetapi hanya pada tahap sederhana.

### **Rujukan**

- Azlin binti Ismail (1994). " Satu Tinjauan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bagi Pelajar-pelajar Kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Awam/Elektrik/Jentera) Sesi 93/94." Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Crow L.D and Crow L ( 1983). " Psikologi Untuk Perguruan Terjemahan Habibah Alias." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1999). " Pelajar Cemerlang." Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng ( 1993 ). " Pedagogi II : Amalan Dalam Bilik Darjah. " Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hawkins. J. M (2005). " Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Ketiga". Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005).Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khalid Mohamad Nor (1993). " Kaedah Pembelajaran berkesan". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Arif bin Abdul Rani (1995). "Masalah Utama Yang Dihadapi Pelajar-pelajar Tahun 3 Kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan di UTM". Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), (2005). Kuala Lumpur.
- Ramlah bt. Zakaria (2002), " Hubungkait Pengurusan Masa Dalam Proses Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Fakulti Pendidikan UTM." Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1986). "Psikologi Pendidikan II." Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia).
- Universiti Teknologi Malaysia (2001). "Panduan Menulis Tesis." Johor Bahru, Skudai.